

23/10/1998

Kakitangan Pos kumpul buku derma

SUSUN... kakitangan Pos Malaysia menyusun buku yang disumbangkan orang ramai melalui cawangan pejabat pos di seluruh negara bagi menjayakan Kempen Menderma Buku.

Buku yang terkumpul sebanyak 900,000 naskhah itu diasingkan kepada tiga kategori iaitu sekolah rendah, menengah dan dewasa sebelum dihantar kepada 1,000 pusat bacaan terpilih seluruh negara.

Antaranya termasuk pusat bacaan di rumah panjang, estet, rumah orang tua dan pusat pemulihan dadah.

Kempen itu dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama Petronas dan Pos Malaysia. Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 5 Ogos lalu, di stesen minyak Petronas Sri Hartamas, Damansara, dekat ibu negara.

(END)